

Al-Hikmah 8(1) 2016: 15-28

Sheikh Sa'id Hawwa: Latar Belakang dan Ketokohan dalam Bidang Pendidikan Islam

Sheikh Sa'id Hawwa: Background and Contribution in Islamic Education

MAWADDAH BADERUN *
HAZIYAH HUSSIN

ABSTRAK

Dalam era globalisasi kini, peranan pendidik menjadi semakin kompleks dan mencabar. Selain mendidik, pendidik juga bertanggungjawab membentuk sahsiah pelajar selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Namun, wujud pelbagai isu berkaitan sahsiah, tanggungjawab dan etika perguruan yang mencalar imej pendidik. Hal ini menggambarkan bahawa terdapat kepincangan dalam kalangan pendidik menghayati amalan profesionalisme. Natiyahnya, usaha membentuk sahsiah pelajar terhalang sehingga memberi impak kepada jiwa mereka. Justeru, pendidik memerlukan suatu kaedah pembentukan sahsiah muslim yang unggul mencontohi tokoh Islam sebagai teladan dan panduan dalam bidang pendidikan Islam, antaranya ialah Sheikh Sa'id Hawwa. Sheikh Sa'id Hawwa merupakan seorang ulama yang berpengalaman sebagai pendidik dan mengintegrasikan ilmu dan amal, ibadah dan jihad serta politik dan bakti kemanusiaan. Artikel ini bertujuan membincangkan ketokohan Sheikh Sa'id Hawwa di dalam bidang Pendidikan Islam yang diasaskan kepada pengalaman dan latar belakang kehidupan beliau. Data-data dikumpul dan dianalisis secara kualitatif dengan tema-tema yang dibentuk berasaskan penemuan kajian daripada kandungan bukunya *Hazihi Tajribati wa Hazihi Syahadati* dan *Jundullah Thaqaifah wa Akhlaqan*. Hasil kajian membuktikan ketokohan Sheikh Sa'id Hawwa dalam bidang Pendidikan Islam seperti ketegasan dalam mempertahankan agama, aktif dalam bidang penulisan, sumbangan dalam pembangunan pendidikan dan persediaan kerohanian dapat dipraktikkan oleh pendidik dalam membantu mutu perkhidmatan pendidikan.

Kata kunci: *Tanggungjawab pendidik, tokoh Islam, pendidikan Islam*

ABSTRACT

The roles of a teacher in the age of globalization is getting complex and challenging. A part from teaching, a teacher is responsible to develop student's

personality as parallel to National Philosophy of Education. However, there are several issues aroused regarding teacher's personality, the understanding of professionalism, and ethical matter. These issues portray the deficiency among teachers and the responsibility to develop student's personality will be insulated. Therefore, those who engage with education need to replicate one of the prominent role model in Islamic Education, Sheikh Sa'id Hawwa who was introducing the integration of knowledge and practice, *ibadah* and *jihad*, politics and social contribution as well. The purpose of this article is to discuss the contribution of Sheikh Sa'id Hawwa in Islamic Education. Content analysis conducted by the researcher based on the data collected from the book *Hazihi Tajribati wa Hazihi Syahadati* and *Jundullah Thaqaifah wa Akhlaqan*. The result shows that Sheikh Sa'id Hawwa upholding to several characteristics such as firmness in protecting Islam, active in academic writings, vast contribution in education development, and inner preparedness in order to enhance the quality of education.

Keywords: *teachers' responsibility, Islamic figure, Islamic Education*

PENDAHULUAN

Keberhasilan untuk membentuk sahsiah pelajar bergantung kepada keupayaan pendidik melaksanakan tugas sebagai seorang pendidik yang berkeperibadian tinggi (Muhammad Uthman 1991). Namun, dewasa ini terpampang di dada akhbar berita yang mencemarkan imej pendidik dari sudut sahsiah, etika perguruan dan tugas sebagai pendidik. Hussein Awang iaitu Pengarah Pelajaran Negeri Kelantan, menyatakan bahawa masih terdapat guru yang tidak bertugas tanpa kebenaran di negeri tersebut (Sinar Harian, 15 Mac 2014). Fenomena ini menunjukkan bahawa integriti dalam kalangan guru semakin merosot berikutan isu-isu salah laku guru (Berita Harian, 17 Januari 2014 & 9 Mac 2013). Terdapat juga guru yang menjadikan profesionalisme perguruan sebagai pilihan terakhir dalam kerjaya dan menjadikan imbuhan gaji sebagai sasaran (Muhamad Suhaim 2012). Kegagalan meletakkan matlamat yang jelas untuk memimpin pembangunan akhlak pelajar menyukarkan guru memainkan peranannya sebagai pendidik (murabbi) yang mendidik dan membimbing perkembangan akal pelajar sehingga terkesan pada jiwa (Rohana 2013). Pembentukan sahsiah pelajar tidak dapat direalisasikan jika masih wujud masalah keruntuhan sahsiah sebegini dan kurang kesedaran dalam kalangan pendidik tentang tanggungjawab mereka. Jelas di sini, pendidik memerlukan suatu kaedah pembentukan sahsiah muslim yang unggul dengan mencontohi tokoh Islam sebagai teladan dan panduan dalam

bidang pendidikan Islam, antaranya ialah Sheikh Sa'id Hawwa. Sheikh Sa'id Hawwa berpengalaman sebagai pendidik dan mengetengahkan banyak perkara yang menjadi asas terbinanya masyarakat berperibadi muslim atau cara hidup Islam yang praktikal sesuai dengan kehendak semasa (Sa'id Hawwa 1989 : Jilid I ; 11). Beliau melihat pentingnya sahsiah *murabbi* atau pendidik yang dilengkapi dengan pengetahuan isu semasa dan beriltizam dengan amalan-amalan rohani berdasarkan al-Qur'an dan Sunnah (Said Hawwa 2003 : Jilid 1, 19). Justeru, Sheikh Sa'id Hawwa merupakan seorang tokoh Islam yang boleh dijadikan model dan diaplikasikan dalam arena pendidikan masa kini.

PERNYATAAN MASALAH

Sa'id Hawwa merupakan seorang tokoh ahli gerakan Islam yang penuh dedikasi. Pengalaman dan penglibatan beliau dalam bidang pendidikan secara tidak langsung menonjolkan ketokohan beliau sebagai seorang pendidik dan pendakwah. Beliau berjaya mencetuskan idea-idea baru dalam menghuraikan isu-isu semasa mengikut perkembangan Islam. Huraian mengenai tauhid, kenabian dan Islam menggunakan kaedah ilmu dan mendasari disiplin ilmu semasa menyebabkan beliau dianggap sebagai reformis dan revivalis yang membawa pemikiran baru dalam dunia Islam setanding dengan pemikir Islam lain seperti Hassan al-Banna, al-Mawdudi dan Sayyid Qutb. Beliau mengutarakan pandangan berkaitan pendidikan yang perlu kembali kepada al-Qur'an dan Sunnah melalui dua perkara asas iaitu (*ta'lim*) dan memberi ilmu pengetahuan (*i'lam*) (Itzhak Weismann 1997). Selain itu, Sa'id Hawwa turut menekuni bidang pendidikan rohaniah yang diserasikan dengan semangat perjuangan gerakan *islahi-tajdidi*. Beliau amat menitikberatkan dalam aspek ketekunan beribadah, termasuk amalan wirid harian dan latihan rohaniah secara intensif dan kewajipan semasa (*wajibat al-waqt*) yang menjadi panduan kepada *da'i* dan pendidik bagi mengatasi masalah yang mereka hadapi (Sharifah Fatimah 2012). Beliau turut memasyarakatkan kembali ilmu yang diperlukan oleh semua manusia sepanjang zaman kerana Islam harus difahami dan dihayati secara utuh dan bersepadu termasuk dari sudut kerohaniannya.

OBJEKTIF

Artikel ini bertujuan untuk menelusuri latar belakang Sheikh Sa'id Hawwa. Di samping itu, penulisan artikel ini adalah untuk mengkaji ketokohan beliau dalam bidang pendidikan Islam serta ciri-ciri ketokohnya yang boleh dijadikan garis panduan bagi para pendidik untuk membantu mutu perkhidmatan pendidik dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada mereka.

METODOLOGI

Artikel ini menggunakan kaedah analisis kandungan. Kaedah analisis kandungan adalah satu kaedah saintifik yang berhubung kait dengan kandungan. Ia merujuk kandungan mengenai maksud, isi, dan maksud tersirat di dalamnya. Sampel kajian ialah buku *Hazihi Tajribati Wa Hazihi Syahadati* dan *Jundullah Thaqafah wa Akhlaqan*. Pemilihan buku ini kerana ia memfokuskan tentang latar belakang Sheikh Sa'id Hawwa dan sumbangannya dalam pendidikan serta ciri-ciri ketokohnya sebagai pendidik. Analisis data ketokohnya dibuat secara kualitatif dengan tema-tema yang dibentuk berasaskan penemuan kajian. Data-data yang selesai dianalisis, diorganisasikan semula untuk menjawab objektif kajian dalam kerangka ketokohan dan cirri-cirinya yang boleh dijadikan garis panduan untuk pembentukan sahsiah pendidik.

LATAR BELAKANG HIDUP SHEIKH SA'ID HAWWA

Pengenalan

Nama sebenar Sheikh Sa'id Hawwa ialah Sa'id bin Muhammad Dib Hawwa. Beliau dilahirkan pada 27 September 1935 Masihi di sebuah kawasan al-'Aliliyyat yang terletak di sebelah selatan Kota Hamah, Syria. Bapanya bernama Muhammad Diib Hawwa manakala ibunya bernama Arabiyyah Al-Taisy. Keturunan beliau dinasabkan kepada qabilah al-Na'im yang disusur galurkan kepada keturunan Rasulullah SAW (Said Hawwa 1987 : 7).

Bapa beliau bekerja sebagai seorang petani manakala ibunya meninggal dunia ketika beliau berusia dua tahun. Pada tahun 1939, bapanya dipenjara atas tuduhan membunuh ketika menentang penjajah Perancis. Justeru, Sa'id Hawwa membesar secara berdikari dan tanpa belaian dari ibu bapanya. Selama ketiadaan bapanya, Sheikh Sa'id Hawwa

dipelihara oleh nenek dan bapa saudaranya. Kehidupannya pada awal kanak-kanak amat susah dan hanya makan roti dan gandum sahaja. Beliau juga pernah diusir dari sekolah kerana tidak mempunyai pakaian rasmi sekolah. Namun, kehidupannya yang sebegitu telah mengajar beliau menjadi seorang yang tabah dan berdikari (Sa'id Hawwa 1987 : 7 – 8).

Pendidikan dan Guru

Sheikh Sa'id Hawwa mempelajari Al-Quran ketika umurnya antara lima hingga enam tahun. Beliau dihantar neneknya untuk menuntut ilmu dengan seorang Sheikh yang hafiz Al-Qur'an tetapi buta penglihatan. Beliau berjaya menamatkan bacaannya (khatam Al-Quran) dengan cepat iaitu sebelum mencapai umur tujuh tahun (Sa'id Hawwa 1987 : 16).

Apabila bapanya dibebaskan dari penjara, beliau berhenti sekolah kerana tidak mempunyai kewangan dan membantu bapanya berniaga di pasar. Sheikh Sa'id Hawwa merupakan seorang yang sangat pintar. Beliau berjaya menguasai ilmu hisab dan dapat menghitung kiraan tanpa dibantu oleh alat tulis. Walaupun sibuk membantu bapanya di pasar, namun beliau sentiasa mencari peluang untuk membaca buku-buku cerita kisah 'Antarah, Sayf bin Zi Yasin dan lain-lain. Beliau juga mempunyai kebolehan untuk menceritakan kembali apa yang telah dibacanya dengan baik (Sa'id Hawwa 1987 : 9).

Setelah pendapatan keluarga semakin bertambah, Sheikh Sa'id Hawwa dihantar mengikuti kelas malam di Dar al-Ansar di bawah seliaan Jam'iyah Salafiah di Hammah. Sekolah malam dipilih supaya beliau dapat membantu bapanya di pasar. Di sekolah ini, beliau terpaksa bersaing dengan orang yang lebih dewasa. Ini merupakan cabaran buat beliau untuk terus berusaha bersungguh-sungguh sehingga berjaya. Kerana minat dan usaha, akhirnya Sa'id Hawwa berjaya lulus dengan cemerlang dalam semua peperiksaan yang telah didudukinya (Muhammad Pisol 2001 : 18).

Ketika berusia 12 tahun, beliau membaca buku-buku ilmiah seperti buku tulisan Aristotle, Plato, Nichart dan lain-lain. Sheikh Sa'id Hawwa juga mendalami sejarah revolusi Perancis, ilmu Tasawwuf, Akhlak dan Akidah. Purata bacaan beliau ialah 60 halaman dalam masa sejam (Sa'id Hawwa 1987 : 22). Kegigihan beliau membaca buku-buku ilmiah ini memperlihatkan ketokohan beliau bakal menjadi pemikir Islam yang mencetuskan idea-idea bernas dan seorang penulis yang sangat disegani. Kesungguhan dalam pembacaan banyak membantunya dalam menghasilkan karya-karya yang bermutu tinggi dan diminati.

Pada tahun 1948, Sheikh Sa'id Hawwa memulakan pengajian di Sekolah Menengah al-Rusyd. Di sini, beliau bertemu dengan Sheikh

Muhammad Hamid, seorang pendidik yang membawa beliau belajar di dalam halaqah yang diajarnya di Masjid Sultan. Pengajian ini memberi kesan yang amat mendalam kepada Sheikh Sa'id Hawwa (Sa'id Hawwa 1987 : 24). Pada tahun 1952 ketika berusia 17 tahun, beliau mula terlibat aktif dengan Jemaah Ikhwan al-Muslimin Syria. Beliau kelihatan matang dan cerdas jika dibandingkan dengan umurnya yang masih muda. Ketika itu, beliau dikenali kerana kewibawaannya dalam menangani pelbagai situasi. Walaupun aktif di dalam gerakan dan masih dalam pengajian, beliau tetap membantu bapanya di kebun dan pasar (Muhammad Pisol 2001 : 19).

Penglibatannya dalam gerakan Ikhwan memberi kesan yang mendalam dalam mengubah dirinya mencapai keredhaan Allah SWT dan bekerja untuk Islam. Bagi ahli baru Ikhwan, usrah perlu diikuti dan beliau mengikuti usrah yang dipimpin oleh Ustaz Mustafa al-Sirafi yang merupakan seorang tokoh Hamad. Pada masa ini juga, bakat pidato dan ceramah beliau diasuh dengan berceramah di pentas, demonstrasi atau berkhotbah di masjid (Mohd. Rumaizudin 2013 ; Haziyah 2014).

Pada tahun 1956, beliau berjaya meneruskan pengajian ke Universiti Damsyik di Fakulti Syariah (Sa'id Hawwa 1987 : 29). Pada tahun pertama pengajian, beliau telah menamatkan hafazan Al-Quran yang masih berbaki 13 juzuk. Beliau juga sentiasa menghadiri kuliah-kuliah yang diadakan di luar universiti. Guru-guru beliau kebanyakannya adalah di kalangan ulama yang faqih dalam bidang masing-masing seperti Dr. Mustafa al-Siba'i dan Sheikh Muhammad al-Hasyimi.

Sebagai seorang pelajar yang berwawasan jauh, Sheikh Sa'id Hawwa terus berusaha menambah pembendaharaan ilmu dengan mempelajarinya daripada sheikh-sheikh. Antaranya, Sheikh Abdullah al-Harari yang terkenal sebagai seorang ulama dan pakar hadith. Beliau menghafal matan *alfiyah al-'Iraqi* dengan Sheikh Abdullah al-Harari. Beliau juga pernah berguru dengan Dr. Fauzi dalam ilmu fiqh mazhab Hanafi dengan menggunakan kitab al-Hidayah dan bertalaqi al-Qur'an dengan Sheikh di Masjid Al-Sultan untuk memperbaiki mutu bacaan dan menghafaz dengannya (Sa'id Hawwa 1987 : 44).

Sheikh Sa'id Hawwa pernah dilantik sebagai pemimpin Ikhwan Al-Muslimin. Pada peringkat ini, beliau mula mendekati diri dengan tarikat sufi. Di sini, Sheikh Sa'id Hawwa bertemu dengan Sheikh Muhammad al-Hasyimi dan berusaha mempraktikkan amalan sufi di dalam dirinya. Beliau beriltizam dengan tarikat sufi dan mengikuti majlis-majlis zikir dan selawat yang dianjurkan oleh sheikh-sheikh tarikat sufi seperti Sheikh Burhani, Sheikh Abdul Qadir 'Isa dan Sheikh Basyir al-Bahuni. Beliau

turut melibatkan diri dengan *Ikhwan al-Tariq* iaitu cara baru dalam teknik berdakwah yang diadakan di rumah seperti nasyid, membaca al-Quran, tauhid, sirah, fiqh dan pengajian umum (Sa'id Hawwa 1987 : 47).

Pengalaman Sa'id Hawwa dalam gerakan sufi serta *Ikhwan al-Tariq* telah memberi kesan kepada penulisan buku-bukunya terutama mengenai pendidikan kerohanian seperti *Tarbiyatuna al-Ruhiyah* (Pendidikan Kerohanian), *Mukhtalis fi Tazkiyyah al-Anfus* dan *Muzakarot fi Manazil al-Siddiqin*. Keaktifannya dalam gerakan sufi ini telah menggerakkannya untuk menubuhkan Dar al-Furqan di Hamah yang digunakan untuk berzikir, berselawat, majlis ilmu seperti pengajian tauhid, fiqh, tafsir dan lain-lain. Sa'id Hawwa merupakan penggerak utama di Dar al-Furqan ini dan beliau terus menggerakkan sehingga setelah tamat daripada pengajian (Muhamad Pisol 2001 : 21).

Perkahwinan

Sheikh Sa'id Hawwa telah berkahwin dengan Ummu Muhammad atau nama sebenarnya Khadijah Syafiq Uthman pada tahun 1964. Hasil perkahwinan tersebut, mereka dikurniakan empat orang cahaya mata iaitu Muhammad (1965), Ahmad (1966), Fatimah (1967) dan Mu'adh (1969). Walaupun sibuk berdakwah, beliau berusaha meluangkan masa dan berbincang pelbagai isu bersama anak-anaknya. Beliau turut mendidik mereka supaya prihatin dalam urusan agama dan kemasyarakatan.

Pada tahun 1973 hingga 1978, ketika beliau dipenjarakan, Ummu Muhammad memikul tanggungjawab mendidik anak-anak. Mereka mempunyai keperibadian yang sama dengan ayahandanya. Anaknya, Mu'adh pernah menyatakan bahawa : “*Walidi* (ayahku) tidak pernah mengajar secara formal tentang akhlak. Kami dididik melalui kehidupan seharian”. Beliau juga menyatakan sepanjang tempoh mereka sekeluarga berada di Jordan, mereka diberi kuliah Feqah dan Tafsir oleh ayahanda mereka setiap kali selepas solat Subuh dan 'Asar.

Kematian Sheikh Sa'id Hawwa

Sheikh Sa'id Hawwa dimasukkan ke *Mustasyfa al-Islami* pada 14 Disember 1988 kerana koma. Setelah hampir dua tahun menanggung penderitaan pelbagai jenis penyakit, akhirnya ketika berumur 54 tahun beliau menghembuskan nafas terakhir di Hospital Islam Amman, Jordan, pada hari Khamis, 9 Mac tahun 1989M bersamaan 3 Sya'aban 1409H. Jenazah Sheikh Sa'id Hawwa dikebumikan di tanah perkuburan Sahab, Selatan Amman (Abd Allah al-'Aqil 2000 : 197-198). Kematian Sheikh Sa'id Hawwa merupakan satu kehilangan besar kepada dunia Islam kerana

pengaruh dan sumbangannya dalam bidang dakwah, tafsir, pendidikan, kerohanian dan perjuangannya demi memartabatkan Islam dan umat.

KETOKOHAN SHEIKH SA'ID HAWWA SEBAGAI PENDIDIK

Pendidikan merupakan bidang pertama yang diceburi oleh Sheikh Sa'id Hawwa setelah menamatkan pembelajaran di Fakulti Syariah, Universiti Damsyik sekitar tahun 1956. Beliau mempunyai pengalaman sebagai seorang pendidik di sekolah formal, masjid dan pengajian umum. Secara formal, beliau pernah bertugas di empat buah sekolah iaitu Sekolah Menengah al-Hasakah (1956), Sekolah Menengah al-Salmiyyah di Hamah, salah sebuah sekolah di Saudi (1966) dan sebuah Sekolah Menengah yang terletak di *Mara'ah* (1971). Walaupun pengalaman mengajar secara formal hanya di empat buah sekolah, namun keperibadian yang ditonjolkan Sheikh Sa'id Hawwa sebagai pendidik sangat luar biasa.

Sifat Tegas Dalam Mempertahankan Agama

Sheikh Sa'id Hawwa seorang yang tegas dalam mempertahankan agama. Ketegasan beliau terbukti dalam dua isu berlainan iaitu ketika di Sekolah Menengah al-Hasakah dan peristiwa Revolusi Hamah. Beliau menimba pengalaman pertama sebagai seorang pendidik di Sekolah Menengah Al-Hasakah pada tahun 1956. Di sini, beliau berpeluang menyampaikan pelbagai pidato dan khutbah. Namun, timbul isu berkaitan isi penyampaian khutbah Jumaatnya berbau keagamaan yang sensitif. Kandungan khutbahnya dianggap menyentuh agama Kristian dan Yahudi iaitu pengakuan kitab Taurat dan Injil berkaitan kerasulan Nabi Muhammad S.A.W. Dalam pada itu, beliau turut mengkritik *Thanawiyyah al-Hasakah* yang menganjurkan program malam kebudayaan bertentangan dengan norma Islam. Kerana itu, beliau ditukarkan ke Sekolah Menengah Al-Salmiyyah yang terletak di Hamah.

Pada tahun 1964, berlaku satu Revolusi Hamah akibat pertentangan penduduk terhadap kerajaan Syria yang mengamalkan dasar sekular. Hafiz al-Asad (Presiden Syria) telah bercadang untuk menggubal satu perlembagaan baru berasaskan fahaman sekular dan ia merupakan satu langkah permulaan untuk menghapuskan subjek Pendidikan Islam. Di antara isi kandungannya ini ialah menghapuskan sistem kekeluargaan Islam, wanita dipaksa berkhidmat dalam tentera dan mereka dilarang memakai hijab ketika memasuki kawasan sekolah, meletakkan kuasa kehakiman, eksekutif dan perundangan di bawah kuasa presiden yang

akhirnya boleh membawa kepada sistem diktator (Sa'id Hawwa 1987 : 105).

Walaupun beliau bertugas sebagai seorang pendidik di sekolah, namun keberanian dan ketegasan beliau dalam usaha menentang kerajaan sangat menggerunkan. Demi agama, Sa'id Hawwa telah bertindak aktif untuk menentang penggubalan tersebut dan gerakan penentangan ini mesti bersatu di atas nama ulama Syria. Justeru, Sa'id Hawwa telah mengatur strategi dengan merangka satu memorandum untuk mengumpul tandatangan daripada ulama Syria (Sa'id Hawwa 1987 : 108).

Penentangan terhadap program-program yang melanggar syari'at Islam menunjukkan pendirian sebenar Sheikh Sa'id Hawwa sebagai seorang pendidik. Ketegasannya dalam mempertahankan agama Islam wajar dicontohi. Beliau tidak pernah berputus asa dan terus komited di dalam bidang pendidikan walaupun terpaksa menempuh pelbagai rintangan. Guru dan pensyarah yang bergelar pendidik seharusnya mencontohi sifat ketegasan yang ditonjolkan oleh Sheikh Sa'id Hawwa dalam mendepani isu keagamaan.

Aktif Dalam Bidang Penulisan

Sheikh Sa'id Hawwa mula bergiat dalam bidang penulisan ketika berpindah ke Saudi. Perpindahan ini adalah kerana tekanan yang begitu kuat yang diterimanya di Hamah. Beliau tinggal di Saudi selama lima tahun iaitu bermula tahun 1966 hingga 1971 dan bertugas sebagai seorang guru Bahasa Arab. Pada tahun 1971, Sheikh Sa'id Hawwa berkhidmat di sebuah Sekolah Menengah yang terletak di *Ma'arah*. Sepanjang berada di Saudi, beliau menyiapkan manhaj perjuangan Ikhwan dan beberapa buah buku antaranya *Silsilah al-Usul al-Thalathah (Allah, al-Rasul dan al-Islam)*, kitab *Jundullah thaqafatan wa Akhlaqan* dan *Jundullah Takhtitan wa Tanziman*. Walaupun beliau telah disekat daripada menyampaikan kuliah dan khutbah, namun beliau terus bergerak menyampaikan dakwah dan pengajiannya. Akhirnya, beliau ditukarkan ke kawasan pendalaman berhampiran sempadan Turki (Said Hawwa 1987:79; Mohd. Pisol 2001:27).

Pada 5 Mac 1973, beliau dipenjarakan selama lima tahun akibat daripada penentangan yang dilakukan oleh Sheikh Sa'id Hawwa dalam Revolusi Hamah dan dibebaskan pada 29 Januari 1978. Di dalam penjara, beliau mampu menghasilkan beberapa buah kitab seperti *Al-Asas fi al-Tafsir, Fi afaq al-Ta'alim* dan lain-lain (Sa'id Hawwa 1987 : 99). Beliau meneruskan tugas seorang pendidik dan pendakwah melalui cabang penulisan kerana situasi politik yang tidak membenarkan beliau

berinteraksi dengan orang ramai. Penulisan inilah yang menjadi medium utama untuk beliau berhubung dengan mereka. Beliau berpandangan bahawa kuliah dan pengajian mempunyai kepentingan dalam memberi kesan secara langsung, namun penulisan juga turut memberi kesan yang berpanjangan dan tersebar luas.

Melihat kepada kesibukan dalam kewajipan mendidik dan berdakwah, beliau memperuntukkan masa untuk menulis iaitu setelah solat Subuh (Syuruk) sehingga waktu Dhuha dan waktu malam hari jika tidak ada aktiviti dakwah. Beliau juga akan berjaga sehingga pagi untuk membaca, berfikir dan menulis. Baki waktu yang lain akan dibahagikan untuk khidmat kemasyarakatan, ibadah dan majlis ilmu.

Sahsiah Sheikh Sa'id Hawwa jelas menampakkan kematangan beliau dalam kehidupan yang penuh mencabar. Walaupun telah dipenjara, namun atas semangat cintakan tugas sebagai seorang pendidik, beliau tetap meneruskan perjuangan di sekolah. Ilmu terus digarap sehingga berjaya mengilhamkan beberapa karya hasil daripada seorang pendidik yang sangat berwibawa.

Sumbangan Dalam Bidang Pembangunan Pendidikan

Sumbangan Sheikh Sa'id Hawwa sangat terserlah bukan sahaja dalam bidang penulisan, pendidikan dan kerohanian, malah pembangunan ummah. Beliau berjaya menubuhkan sekolah dengan memberi penekanan terhadap kesepaduan di antara aspek ilmu pengetahuan (*al-'aql*) dan spiritual (*al-nafs*, *al-ruh* dan *al-qalb*) sebagai asas pembentukan sahsiah muslim. Ini membuktikan Sheikh Sa'id Hawwa merupakan seorang pendidik yang berkaliber untuk melahirkan seorang muslim khususnya pemimpin, pendidik dan pendakwah yang berjaya dan berkesan dalam pelbagai bidang.

Semasa di penjara, Sheikh Sa'id Hawwa meneruskan tugas sebagai pendidik pada waktu pagi dan petang bagi mengisi masa terluang dengan perkara bermanfaat. Pelajar-pelajarnya terdiri daripada banduan di dalam penjara tersebut. Beliau mempunyai 14 pengajian samada kepada semua kawan dalam sel atau perseorangan (Rumaizudin, 2013). Mereka memulakan pengajian dengan hafazan al-Qur'an, ilmu nahu, sorof, balaghah, fiqh, tafsir, hadith, fiqh dakwah, ilmu qira'at dan suluk. Beliau turut menerapkan konsep usrah atau kekeluargaan di dalam penjara seperti saling bermunaqasyah sesama ahli, solat berjemaah, makan bersama-sama dan saling siarah-menziarahi. Beliau sentiasa memberi nasihat dan pesanan kepada keluarga dan pelajar-pelajarnya secara berterusan samada di dalam

majlis ilmu atau bukan pengajian. Ini menunjukkan beliau mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat.

Melihat keperluan muslim kepada pengajian agama, pembentukan sahsiah dan panduan, Sheikh Sa'id Hawwa menubuhkan sebuah sekolah latihan yang mempraktikkan budaya Islam sepenuhnya khusus untuk pelajar Islam. Kurikulum bersepadu yang disediakan merangkumi subjek teras, pengkhususan, rohani dan jasmani. Sekolah ini memperuntukkan pembelajaran dalam tempoh sekitar 40 hari dan terhad kepada 10 hingga 15 orang. Pelajar-pelajar di sini akan mengikuti pembelajaran pelbagai subjek secara ringkas berkaitan *Tilawah*, *'Ulum al-Quran*, *'Ulum al-Hadith*, *Aqidah*, *Fiqh*, *Usul al-Thalathah*, Pedagogi, Bagaimana Cara Mengendali Keluarga, Ilmu Bahasa Arab, Membaca Kitab Untuk Memperbetulkan Sebutan, Sirah dan Sejarah Islam dan Syarahan Dunia Islam (Sa'id Hawwa 1987 : 139).

Dalam usaha membantu peningkatan sahsiah, para pelajar diwajibkan mengikuti program harian yang ditetapkan bermula dari sebelum subuh sehingga malam. Aktiviti harian yang dilaksanakan adalah qiamullail, solat Subuh, bacaan *ma'thurat*, belajar Tilawah, solat sunat Dhuha, riadhah, sarapan pagi, pembelajaran dan kuliah, solat zohor, makan tengah hari, rehat, solat Asar, bacaan bersama, solat maghrib, bacaan *ma'thurat*, tilawah al-Qur'an, solat Isyak dan tidur. Mereka juga dilatih berpuasa pada setiap hari Isnin dan Khamis. Hasilnya, apabila keluar daripada sekolah ini, pelajar-pelajar akan memainkan peranan masing-masing sebagai mentor untuk memastikan pengetahuan Islam dan kegiatan dakwah disebarluaskan dalam pelbagai bidang yang diceburi termasuk media dan politik melalui sistem dan perancangan Islam.

Sheikh Sa'id Hawwa menukilkan bahawa kejayaan yang hakiki dalam bidang pendidikan dan pengajaran memerlukan beberapa perkara. Pertama, seorang pendidik perlu hadir dan mengajar dengan bersungguh-sungguh serta menulis setiap rancangan pengajaran dengan baik. Kedua, pendidik yang berjaya adalah dengan menjadikan pelajar merasai kewujudannya walaupun pendidik tidak ada di hadapannya. Ketiga, pendidik terus menjalinkan hubungan kasih sayang sebagai sebuah keluarga dengan pelajar. Pendidik perlu menyayangi dan mengasihi setiap daripada mereka. Namun, dalam masa yang sama tegas dan adil terhadap mereka. Keempat, menjalinkan hubungan yang baik bersama dengan ibu bapa dan keluarga para pelajar, dapat membantu kejayaan anak mereka dan memperbaiki akhlak mereka (Sa'id Hawwa 1987 : 61 - 62). Keempat-empat rahsia kejayaan yang dikongsi Sheikh Sa'id Hawwa menunjukkan bahawa pendidik memberikan pengaruh yang besar kepada pelajar.

Faktor pembentukan sahsiah seorang pendidik Islam yang berjaya bukan sahaja mampu menguasai ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang, malah sentiasa meningkatkan kualiti ibadah, menjaga kesihatan jasmani dan memelihara hubungan dengan pelajar dan persekitarannya. Usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Sheikh Sa'id Hawwa membuktikan beliau merupakan seorang pendidik yang amat menitikberatkan keperluan pembentukan sahsiah diri dan pelajarnya dari sudut akal, rohani dan jasmani. Beliau sangat komited dalam kerjaya yang diceburinya. Ketokohnya sebagai dalam bidang pendidikan Islam turut dikagumi oleh ahli sarjana barat iaitu Ehud Rosen (2008) yang memperlihatkan Sheikh Sa'id Hawwa sebagai seorang tokoh pendidik yang prihatin dengan kepincangan institusi pendidikan.

Persediaan Rohani Bagi Seorang Pendidik

Sa'id Hawwa mempunyai keperibadian yang sangat tinggi berdasarkan setiap tindakan ketika menghadapi pelbagai cabaran dalam hidupnya. Ini adalah hasil daripada ketinggian iman seseorang. Anak beliau Muhammad dan Mu'adh Sa'id Hawwa (2010) ada menukulkan di antara sifat-sifat Sa'id Hawwa sebagai pendakwah dan pendidik ialah bertaqarrub dengan Allah S.W.T. Sheikh Sa'id Hawwa melihat hubungan dengan Allah S.W.T dan *tarbiyyah ruhiyyah* merupakan asas utama dalam diri seseorang pendakwah atau pendidik. Hubungan tersebut akan membantu pendakwah dan pendidik dalam meneruskan misi dakwah dan pembangunan pendidikan.

Ibadah-ibadah yang dilaksanakan ini dapat dijadikan satu manual tarbiyah panduan bagi seorang pendidik dan mampu membentuk sahsiah yang tinggi. Di antaranya ialah menjaga solat fardhu, solat nawafil dan tahajud, membaca al-Qur'an dan membasahi lidah dengan wirid-wirid dan zikir, menghadiri majlis ilmu dan menjalinkan hubungan yang baik dengan ulama' dan pelajar.

1. Istiqamah melaksanakan Solat Fardhu Berjemaah

Kewajipan solat fardhu tidak sepatutnya di pandang enteng oleh pendidik. Sheikh Sa'id Hawwa sentiasa melaksanakan solat fardhu secara berjemaah tepat pada waktunya kecuali jika keadaan kesihatan, keamanan dan politik yang tidak mengizinkan (Mohd. Rumaizudin 2013 :147).

2. Amalan solat Nawafil dan Qiamullail

Walaupun sentiasa sibuk dengan tugas, Sheikh Sa'id Hawwa tetap memberi keutamaan untuk bangun malam bagi menunaikan solat-solat

sunat dan bertahajud. Bukan itu sahaja, beliau juga sangat menjaga solat sunat Dhuha.

3. Membaca Al-Qur'an

Di antara wirid harian yang disarankan oleh Sheikh Sa'id Hawwa adalah membaca sebahagian juzuk daripada al-Qur'an (Mohd. Rumaizudin 2013 : 169). Beliau menghafaz Al-Quran selama empat bulan. Beliau seorang yang sentiasa menggunakan masanya untuk membaca Al-Qur'an. Di akhir hayatnya, selain daripada membaca Al-Qur'an secara sendirian beliau selalu menyemak bacaan Al-Qur'an. Apabila ditimpa angin ahmar, beliau memperbanyakkan aktiviti menyemak Al-Qur'an dengan mendengar bacaan Al-Qur'an dari kaset yang dirakam.

4. Wirid, Zikir dan Doa

Sheikh Said Hawwa memperbanyakkan zikir dan berdoa pada masa-masa tertentu. Selain itu, beliau sangat menjaga dan melakukan bacaan al-Quran dan wirid-wirid harian selepas solat. Wirid utama yang menjadi amalan Sa'id Hawwa pada setiap kali selepas solat ialah istighfar seratus kali, selawat ke atas Nabi S.A.W. 100 kali, *La ilaha illa Allah* 100 kali dan bacaan surah al-Ikhlâs serta *al-Maw'uzatayn* tiga kali setiap pagi dan petang. Beliau pernah membeli tasbeih yang cantik untuk anak-anaknya dengan syarat anaknya berwirid dan berselawat 100 kali satu hari (Mohd. Rumaizudin 2013 : 169).

Beliau mengamalkan sepuluh zikir utama dari semasa ke semasa. Zikir yang dimaksudkan ialah zikir yang *ma'thur* yang tetap berpegang teguh kepada Allah dan RasulNya. Zikir yang sering diamalkan ialah istighfar, selawat, *Laila illa Allah*, *Subhanallah*, *Alhamdulillah*, *Allahu Akbar*, *Subhanallah wa bihamdihi Subhanallahila'adzhim*, *Walahawla Wala Quwwata illa billah*. Beliau mengulang setiap zikir di atas sebanyak tujuh ribu kali. Sekiranya beliau ingin berzikir dengan kadar yang lebih tinggi serta mempunyai masa yang lapang beliau akan mengulang-ulang setiap zikir sebanyak tujuh puluh ribu kali. Sabda Rasulullah SAW : "Sesungguhnya ada yang menutupi hatiku sehingga aku beristighfar 100 kali sehari" (Riwayat Muslim). Di samping itu, beliau memperbanyakkan selawat kerana beberapa gurunya mengatakan : "*Sesiapa yang tiada guru mursyid maka seribu selawat mampu menggantikan tempat guru mursyidnya...*" (Norazamuddin 2004)

5. Mencintai Ulama dan Orang Soleh

Sheikh Sa'id Hawwa merupakan seorang pendidik yang menyayangi ulama dan orang-orang soleh serta menghormati mereka. Apabila bertemu dengan ulama dan orang soleh, beliau menghormatinya dan mengucup tangan walaupun pengetahuan mereka lebih sedikit berbanding beliau. Hal ini menunjukkan bahawa beliau sangat mementingkan adab dan hormat sesama manusia. Beliau menghormati dan memuji orang-orang soleh kerana mengetahui amal kebaikan mereka termasuk ibadah kepada Allah S.W.T (Sa'id Hawwa 1999 : 181).

6. Mencintai Penuntut Ilmu

Penuntut ilmu atau pelajar merupakan aset penting dalam konteks pendidikan. Sheikh Sa'id Hawwa sentiasa mengambil berat tentang perkembangan dan permasalahan pelajar-pelajarnya. Ketika menjadi guru di Saudi, hubungannya dengan pelajar sangat erat penuh kasih sayang dan kejujuran (Sa'id Hawwa 1987 : 89). Dalam hal ini, beliau berpendapat mereka yang memberi khidmat dan bantuan kepada penuntut ilmu telah menyumbangkan sesuatu yang besar kepada ummah (Muhammad, 1995).

7. Lemah Lembut dan Mengasihi Orang Mukmin

Sifat lemah lembut dan mengasihi saudara mukmin menjadi salah satu sifat terpuji yang ada pada diri Sheikh Sa'id Hawwa. Sifat ini meliputi sifat rahmat, kasih sayang, saling memaafkan sesama mukmin dan tawadhu'. Baginya, sifat rahmat yang tertinggi adalah yang telah dipamerkan oleh Rasulullah S.A.W (Sa'id Hawwa, 1994 : 332-333). Amir Zakiyyah menggambarkan sifat penyayang Sa'id Hawwa semasa dalam tahanan dengan menyebut : "...antara kasih sayang dan kelembutan Sa'id Hawwa terhadap saudaranya ialah apabila salah seorang daripada banduan cedera akibat letupan bom. Bahagian belakang badannya cedera dan kakinya terkena serpihan bom. Melihat keadaan ini, beliau sendiri mengubatinya dengan menggunakan madu yang dicampur dengan *Habbah al-Sawda'* dan menyapunya di badan pesakit.

8. Majlis Ilmu dan Halaqah Ilmiah

Halaqah Ilmiah merupakan majlis ilmu yang diadakan bagi membincangkan berkaitan ilmu agama dan permasalahan masyarakat. Seiring itu keluarga beliau juga tidak diabaikan dengan majlis ilmu beliau. Majlis ilmu bersama ahli keluarga akan diadakan selepas wirid solat Subuh. Semasa beliau menjadi guru, beliau mengajar dari waktu pagi sehingga waktu Zohor dan beliau turut mengadakan halaqah ilmu sehingga

tengah malam. Ini membuktikan Sheikh Sa'id Hawwa amat menitikberatkan ilmu pengetahuan dan kekuatan rohani dalam diri untuk mendepani cabaran ujian hidup.

Berbekalkan sifat-sifat dan ciri-ciri yang dihuraikan, jelaslah bahawa Sa'id Hawwa merupakan seorang tokoh pendidik yang berperibadi mulia di sepanjang hidupnya. Sahsiah mulia ini sewajarnya menjadi teladan dan ikutan kepada pendakwah khususnya pendidik di negara ini.

KESIMPULAN

Sheikh Sa'id Hawwa merupakan seorang tokoh pendidik dan da'i yang mempunyai semangat juang yang tinggi demi pembangunan generasi rabbani. Ujian demi ujian dan cabaran kesusahan diharunginya sejak kecil sehingga menghembuskan nafas terakhir dengan tenang. Misi yang dibawa perlu diteruskan supaya lahir lebih ramai lagi pemuda-pemudi yang beracukan Al-Quran dan Al-Sunnah. Sifat-sifat kepimpinan, ketegasan dan penyayang yang ditonjolkan oleh beliau sangat wajar diteladani oleh setiap pendidik khususnya yang inginkan perubahan anak-anak didiknya ke arah pembentukan sahsiah yang unggul. Sifat-sifat terpuji yang diterapkan oleh guru di sekolah-sekolah samada rendah atau menengah bakal melahirkan pemimpin yang cemerlang bukan sahaja dari sudut akademik malah sahsiah para pelajar. Justeru, tokoh inilah boleh menjadi contoh teladan dan panduan untuk pendidik, pendakwah dan ibu bapa.

RUJUKAN

- Abdallah Al-'Aqil. 2000. *Min a'lam al-Haraka al-Islamiyya*, Cairo : Dar al-Tawzi' wa-l-Nashr al-Islamiyya.
- Ahmad Mohd. Salleh. 1997. *Pendidikan Islam : Falsafah, Pedagogi dan Metodologi*. Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ehud Rosen. 2008. The Muslim Brotherhood's Concept of Education. *Current Trends in Islamist Ideology. Hudson Institute*. Vol. 7 : 115-129.
- Haziyah Hussin. 2014. "Al-Manhaj Al-Haraki fi Tafsir Al-Syaykh Sa'id Hawwa : Dirasah Haliliah". Kuala Lumpur : Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Tesis Dr. Falsafah.
- Itzhak Weismann. 2007. Sa'id Hawwa : The Making of a Radical Muslim Thinker in Modern Syria. *Middle Eastern Studies*. Vol. 29, No. 4, Oktober 1993, 601-623.

- Khadijah Abdul Razak & Zaib Ngah. 2002. Isu dan Cabaran Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam (KBSM). Dalam Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 1). *Kurikulum Bersepadu Pendidikan Islam Menghadapi Cabaran Era Globalisasi* (275-285). Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Rumaizudin Ghazali. 2013. *Biografi Sarjana Muslim Timur Tengah Abad 19 dan 20*. Negeri Sembilan : Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhammad Hawwa. 1995. Safahat Majhulah Min Hayah al-Sheikh Sa'id Hawwa. *al-Nur*. Syawal 1415H, hlm.33.
- Muhammad Pisol Mat Isa. 2000. *Jihad Politik : Suatu Analisis Pemikiran Sa'id Hawwa*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya. Tesis Sarjana Fakulti Pengajian Islam.
- Muhamad Suhaimi Taat. 2012. Guru : Mendepani Cabaran dan Realiti. *Utusan Borneo*. Minda Pendidik. Bil. 4. 7 Mac 2012.
- Norazamuddin Umar. 2004. *Sa'id Hawwa (1935-1989) : Pemikiran Dakwah dan Kedudukannya Dalam Gerakan Al-Ikhwan Al-Muslimun di Syria*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya. Tesis Sarjana Fakulti Pengajian Islam.
- Rohana Hamzah, Tengku Norzaini Tengku Ibrahim, Sarimah Ismail & Ros Eliana Ahmad Zuki. 2013. Pembangunan Jiwa Pendidik dalam Kalangan Bakal Pendidik. *Jurnal Teknologi*. 61 (1) : 27 – 31. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Sa'id Hawwa. 1987. *Hazihi Tajribati.. Wa hazihi Syahadati*. Mesir : Maktabah Wahbah.
- Sa'id Hawwa. 1989. *Al-Asas fi Al-Tafsir*. Jilid 1. Kaherah : Dar al-Salam.
- Sa'id Hawwa, 1994. *Jundullah Thaqaifah wa Akhlaqan*. Cetakan Pertama. Kaherah: Dar al-Salam.
- Sa'id Hawwa. 1999. *Tarbiyatuna al-Ruhiyah*. Kaherah : Dar al-Salam.
- Sharifah Fatimah Syed Omar. 2012. "Pemikiran Tasawuf Sa'id Hawwa : Analisis Terhadap Siri "Fi al-Tarbiyah wa al-Tazkiyah wa al-Suluk". Kuala Lumpur : Universiti Malaya. Tesis Tesis Dr. Falsafah Jab. Akidah dan Pemikiran Islam.
- Sinar Harian. Guru Tidak Bertugas Tanpa Kebenaran. Diakses pada 15 Mac 2014. <http://www.sinarharian.com.my/nasional/guru-tidak-bertugas-tanpa-kebenaran-1.260345>

* Mawaddah Baderun
Jabatan Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
Mel-e: khalilatulwafa_1006@yahoo.com